

BN mahu menang besar di Batu Talam

Najib minta ahli tak pertikai calon dipilih pucuk pimpinan

Oleh Ahmad Ghazali Musa

BANDAR JENGA: Semua jentera Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Presiden Umno berkata, walaupun tidak berdepan masalah besar untuk mempertahankan kerusi DUN terbabit, parti tidak akan mengambil remeh untuk memastikan kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya itu.

"Kita anggap pilihan raya kecil ini sama seperti yang pernah kita lalui dan akan berusaha memastikan kemenangan lebih besar dan selesa," katanya selepas menghadiri Korban Perdana Pemuda Umno di Jengka 11, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob; Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin dan Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak bersama lebih 10,000 rakyat.

Kerusi DUN Batu Talam kosong berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Datuk Tengku Paris Tengku Razlan, minggu lalu.

Sementara itu, Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri mengingatkan ahli dan pemimpin Umno terutama yang mahu menjadi calon dalam pilihan raya kecil itu tidak bergaduh sesama sendiri, sebaliknya memberikan tumpuan terhadap persediaan menghadapi pencabar parti.

Beliau berkata, keputusan menentukan calon terletak di tangan kepimpinan parti dan tidak seharusnya mengakibatkan ahli berpecah-belah terutama pada masa penting menghadapi pilihan raya.

“Kita anggap pilihan raya kecil ini sama seperti pernah kita lalui dan pastikan kemenangan lebih besar dan selesa”

Najib Razak
Timbalan Presiden Umno

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Pemuda Umno sudah menghantar beberapa pasukan pemantau ke DUN terbabit sebagai persediaan menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

Katanya, Khairy akan mengetuai pergerakan itu dalam kempen pada peringkat akar umbi.

"Kita akan melakukan yang terbaik untuk memastikan kemenangan besar calon Umno terutama dalam

mendapatkan sokongan pengundi generasi muda," katanya.

Pada majlis sama, Najib turut mengajak umat Islam sedia berkorban bagi mengangkat martabat umat dengan menghayati erti sebenar setiap pengorbanan yang dibuat.

"Ketidaksanggupan umat Islam berbuat demikian akan menyebabkan usaha mencapai cita-cita murni berkenaan sukar mencapai kejayaan seperti yang diharapkan," katanya.